


## Tadbir urus baik aset strategik tarik pelaburan dan kemajuan - PMX

[BERNAMA](#)



RINGKASAN  
BERITA

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan Persidangan Konfederasi Institut Juruaudit Dalaman Asia (ACIIA) 2025, bertemakan Audit Dalaman dalam Era Polikrisis: Menyesuaikan, Menjamin, Memajukan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur hari ini.

Kuala Lumpur: Tadbir urus yang baik harus dilihat sebagai aset strategik, ia adalah tonggak kredibiliti dalam pasaran kewangan seterusnya menjadi daya tarikan untuk pelaburan dan memberi jaminan bahawa kemajuan akan dikongsi secara adil, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam semangat yang sama, Kerajaan MADANI telah melaksanakan pembaharuan untuk Malaysia, kata Anwar.

Justeru, kerajaan telah memperkasakan mandat Jabatan Audit Negara diketuai oleh Ketua Audit Negara menerusi pindaan pertama Akta Audit 1957 (Akta 62) dalam tempoh 33 tahun.

"Ia mungkin bukan pembaharuan glamor tetapi ia adalah sesuatu yang penting," katanya semasa menyampaikan ucapan pada Persidangan Persidangan Konfederasi Asia Institut Juruaudit Dalaman (ACIIA) 2025 di sini, hari ini.

Disyorkan

- [KLBA perlukan 'rumah' sendiri](#)
- [Bekas ketua kuil Shaolin ditahan atas dakwaan penyelewengan](#)
- [Tentera Israel dakwa cuaca buruk, lepaskan tembakan ke arah anggota pengaman PBB di Lubnan](#)
- [Bezzecchi tutup musim dengan gaya](#)
- [Umaira dinobat Raja Pecut Kejohanan Olahraga Sea](#)

Kerajaan MADANI juga menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Ketakteraturan Serius (JTKS) untuk menangani isu pelanggaran kritikal dengan pantas, memastikan pesalah bertanggungjawab dan melindungi dana awam.

ADVERTISEMENT

Shop Now

Sejak 2024, audit susulan telah mengutip semula sebanyak RM159 juta, katanya.

Garis panduan pengauditan tambahan dan memperluaskan kuasa Jabatan Audit Negara kepada mana-mana entiti yang menerima dana awam, kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata pendekatan "follow-the-public-money" itu membantu membendung ketirisan dan rasuah.

"Ia memastikan setiap ringgit dalam belanjawan negara dibelanjakan untuk tujuan yang dimaksudkan," katanya.

Justeru, tadbir urus yang baik merupakan tonggak utama Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) 2026-2030.

Selain dasar untuk mendukung cita-cita ekonomi dan mengukuhkan perlindungan sosial, RMK-13 menunjukkan bahawa pembaharuan dalam perkhidmatan awam adalah penting, kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh mencapai tadbir urus bersendirian, ia turut memerlukan sokongan sektor swasta dan badan profesional, katanya.

Sehubungan itu, beliau memuji Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIA Malaysia) kerana melancarkan Panduan Kenyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) 2025 bersama Bursa Malaysia, melihatnya sebagai langkah penting.

Ia menyediakan syarikat pelan tindakan untuk menerapkan kesedaran risiko, mengukuhkan keyakinan pelabur dan membuat persediaan untuk alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta risiko lain yang muncul, katanya.

"Tanggungjawab di hadapan kita adalah besar, bagaimanapun peluang juga luas untuk membina institusi yang mendapat kepercayaan di peringkat tempatan, mendapat penghormatan di luar negara dan mewariskan legasi integriti kepada generasi akan datang," katanya.

tamat

Disiarkan pada: September 9, 2025 @ 12:43pm



ZESTRADAR

Who Would Win A Battle Between A Lizard And A Snake?

LEARN MORE →

Sorotan Video



Sambungan air tanpa kebenaran, pemilik kilang ais...

▶ 1:24



3 lelaki Myanmar tikam tukang masak gara-gara masak ta...

▶ 1:34



Tahu adik dan suami maut bila tengok Facebook

▶ 1:25



'Saiz ular sawa itu besar seperti anaconda' - APM

▶ 1:13

Lagi Video

Trending